

Newspaper	Berita Harian
Date	21 June 2015

ISU 1MDB

# Tun M puji ketegasan Najib

» Hishammuddin pula minta isu berkaitan diselesaikan secara telus

Oleh Irwan Shafrizan Ismail, Petah Wazzan Iskandar dan Faridzwan Abdul Ghafar  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya



Dr Mahathir menandatangani kulit buku pada majlis pelancaran **Pertandingan Menulis dan Foto Esei 2015** Yayasan Maybank-Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

**T**un Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendirian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang meminta mana-mana anggota Kabinet yang tidak bersama supaya meletakkan jawatan adalah tepat.

Bekas Perdana Menteri berkata, Najib wajar membuang orang yang tidak bersetuju atau sependapat dengan keputusan yang dicapai.

"Saya kalau jadi Najib, saya buang sahaja orang yang tidak suka dengan saya. Dulu pun (semasa menjadi Perdana Menteri) saya buang ramai orang," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Pertandingan Menulis dan Foto Esei 2015 Yayasan Maybank-Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Eksekutif YKP, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob; Naib Presiden Maybank, Datuk Salleh

Harun dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Maybank, Shahril Azuar Jimin. ,

BH semalam menyiarkan catatan Raja Petra Kamarudin dalam portal *Malaysia Today*, antara lain menyatakan Najib memberi pilihan kepada anggota Kabinet dalam mesyuarat Kabinet Jumaat lalu sama ada nyatakan sokongan atau meletakjawatan.

Selepas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah membentangkan perancangan Kementerian Kewangan bagi IMalaysia Development Bhd (IMDB) ke Kabinet pada Jumaat lalu, Najib memandang setiap anggota Kabinet dan bertanya siapa

yang tidak menyokongnya.

Pada sesi dialog sempena majlis makan malam anjuran Kelab Koresponden Luar Negara di ibu negara malam tadi, bekas Perdana Menteri yakin Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dapat mengesan kepincangan dalam IMDB berbanding Jabatan Audit Negara yang hanya berdasarkan rekod syarikat.

Yakin PAC telus

"Saya yakin PAC mampu siasat lebih mendalam melalui pemeriksaan forensik kerana mereka akan lebih mendalami siasatan berbanding Jabatan Audit Negara," kata Dr Mahathir yang menganggap siasa-

tan oleh PAC akan lebih telus kerana ia dianggotai Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menerusi Twitter, @HishammuddinH20, semalam, menyuarakan sokongan terbuka kepada Najib bagi menangani isu 1MDB dan meminta isu itu diselesaikan dengan telus, bertanggungjawab serta merasionalisasikan syarikat terbabit.

"Setuju dgn syarat 1) Racionalisasi IMDB, 2) Akauntabiliti sekiranya ada salah, 3) Ketelusan 1 & 2 di atas," katanya ketika mengulas mengenai isu berkenaan.